

PERLAKSANAAN KURSUS TEAMBUILDING FASA 2

Oleh: Azilawati Suanda



Program ini berlangsung pada 13 hingga 16 Mei 2008 bertempat di Paya Pahlawan Resort, Jitra. Seramai 105 orang peserta yang terlibat. Kursus Teambuilding ini lebih menekankan kekuatan mental dan fizikal pelajar bagi menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran yang mendatang. Mereka didedahkan dengan aktiviti yang menguji tahap pemikiran dan cara mereka menyelesaikan sesuatu masalah secara berkumpulan. Ini bertujuan untuk mewujudkan kerjasama dan semangat tolong menolong di antara satu sama lain.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah berjalan malam lebih kurang tiga kilometer, berakit, 'river crossing', 'stage fobia' dan aktiviti beriadah. Tidak ketinggalan beberapa slot ceramah juga diselitkan sepanjang 3 hari mereka di sana yang dikendalikan oleh En. Razli bin Ahmad, Timbalan Dekan PKKK.

Tidak ketinggalan Y. Bhg. Dato' Naib Canselor bersama Datin sempat meluangkan sedikit masa bersama para peserta. Beliau sangat gembira kerana kesemua peserta menunjukkan komitmen yang sangat baik. Kehadiran beliau membakar semangat kesemua peserta untuk membuktikan kemampuan mereka dalam sesuatu aktiviti. Dengan keprihatinan insan nombor satu dalam UniMAP menunjukkan beliau akan sentiasa bersama memberi semangat dalam apa jua aktiviti yang dianjurkan. Di samping itu, dengan adanya juga kehadiran Dekan-dekan dari PPK Bahan, PPK Mikroelektronik, PPK Alam Sekitar dan juga Dekan HEPA telah menunjukkan sokongan mereka terhadap kesemua peserta dimana mereka bersama-sama turun padang dalam menyertai beberapa aktiviti.

Majlis penutup telah dilaksanakan oleh Dekan PPK Alam Sekitar dan penyampaian cenderahati kepada semua fasilitator dan jurulatih yang terlibat. Program ini telah mengungkapkan beberapa bakat kepimpinan dari peserta. Ini kerana calon-calon ini akan disenaraikan dalam menerajui PPMS dan dapat membantu melaksanakan Minggu Suaikenal 2008/2009 dengan sempurna.